

Parlimen: APPW 2011 Elak Syarikat Perkhidmatan Kewangan Terlibat Pengubahan Wang Haram
Bernama
8 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Langkah perlesenan semula di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) 2011 bertujuan memperkukuh industri perkhidmatan wang daripada menjadi saluran pengubahan wang haram, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata langkah perlesenan semula di bawah akta berkenaan pada Disember 2012 mencatatkan bilangan peserta industri yang dilesenkan semula berkurangan daripada 839 pada 2011 kepada 514, pada masa ini.

"APPW 2011 diwujudkan sebagai rangka kerja pengawal seliaan bagi memastikan industri perniagaan perkhidmatan wang (pengurup wang dan pengirim wang) yang lebih moden dan tersusun serta memperkukuh industri daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram yang lain," katanya ketika menjawab soalan Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Fong ingin tahu mengenai kedudukan pengedaran wang haram yang mengalir dalam negara berikutan pengurup wang haram memainkan peranan melakukan transit dalam negara dan langkah-langkah yang diambil untuk membendungkannya.

Ahmad berkata langkah perlesenan semula itu juga untuk memastikan hanya entiti yang dikawal dan diurus oleh mereka yang berintegriti, berupaya dan komited memenuhi keperluan pengawalseliaan, layak menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang.

"Peraturan dan garis panduan juga dikeluarkan terutama untuk meningkatkan tahap pematuhan serta memperkukuh urus tadbir, sistem kawalan dan pengurusan risiko peserta industri.

"Ini bagi memastikan pelaksanaan perniagaan perkhidmatan wang yang lebih profesional serta melindungi integriti industri daripada risiko jenayah kewangan dan kegiatan menyalahi undang-undang," katanya.

Ahmad berkata melalui akta itu juga, fleksibiliti yang sewajarnya turut diberi kepada peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang yang lebih baik untuk diakses, dan berkualiti, kepada individu dan perniagaan.

Sehubungan itu, katanya, pengurup wang yang layak dibenar untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang atau menjadi ejen pemberi perkhidmatan wang serta membuka premis sementara di kawasan tertentu seperti di kilang dan kawasan ladang bagi memberi perkhidmatan kepada pekerja asing.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961726>

